

Copyright 2006
The Epoch Times
All Rights Reserved

LamanWeb : <http://www.theepochtimes.com> (Bahasa Inggeris)

LamanWeb : <http://www.epochtimes.com> (Bahasa Cina)

9 Komentor Terhadap Parti Komunis

Dewasa kini selepas lebih satu dekad runtuhnya kekuasaan rejim komunis bekas Soviet Union dan negara-negara Eropah Timur, gerakan komunis antarabangsa sudah pun ditinggalkan oleh masyarakat dunia, Parti Komunis China (PKC) menuju ke kubur pun hanya tinggal sebagai satu persoalan masa sahaja.

Namun begitu, sebelum runtuh keseluruhannya, PKC masih berupaya keras mengikatkan nasibnya bersama dengan negeri kuno "ChungHua" yang mempunyai sejarah peradaban lebih daripada 5,000 tahun, dan ini merupakan malapetaka yang paling besar kepada bangsa Cina. Bagaimana memandang Parti Komunis, bagaimana China menempuh suatu kehidupan sosial tanpa PKC, dan bagaimana meneruskan warisan nyala gemilang obor bangsa Cina, sudah menjadi satu persoalan yang konkrit yang terletak betul-betul di hadapan rakyat China.

Oleh itu, The Epoch Times menerbitkan rangkaian editorial khusus-- "Sembilan Komentor Terhadap Parti Komunis" untuk membahaskan dan menyampaikan satu penilaian muktamat kepada gerakan komunis antarabangsa, yang telah mencelakakan umat manusia selama lebih daripada satu abad, khususnya Parti Komunis China (PKC) .

Mengamati sejarah PKC selama 80 tahun lebih, semuanya yang dilakukan oleh PKC sentiasa diliputi dengan kebohongan, peperangan, kelaparan, kediktatoran, pembunuhan dan ketakutan. PKC telah merosakkan kepercayaan dan nilai-nilai tradisional secara kejam; menceraai-beraikan konsep etika moral dan sistem sosial yang sedia ada; cinta kasih dan hubungan harmonis antara manusia telah diselewengkan menjadi pertarungan dan dendam kesumat; rasa menghargai dan segan kepada alam sejagat diubah menjadi "memerangi alam dan bumi", rentetan itu membawa keruntuhan menyeluruh kepada sistem moral masyarakat dan sistem ekologi, menyeret bangsa Cina dan bahkan seluruh umat manusia kepada krisis hebat. Segala bencana ini terjadi semuanya di bawah perancangan, organisasi dan pengawalan yang ketat dan rapi oleh PKC.

Seperti pepatah Cina yang terkenal yang berbunyi "Apa boleh buat sedangkan bunga-bunga telah berguguran", kekuasaan PKC yang sedang tenat semakin mendekati ajalnya, kehancurannya sudahpun di ambang pintu. Sebelum kemusnahan totalnya, adalah perlu bagi kita merenung kembali secara teliti dan menyingkap organisasi ajaran sesat terbesar yang mengumpulkan kejahatan sejak dari dulu hingga sekarang, dipungut di China mahupun di luar negeri, maka dengan demikian, orang ramai yang masih dibohongi oleh kekuasaan Parti Komunis dapat mengenal hakikat sebenar pelbagai kejahatan besar yang dilakukan oleh PKC, justeru membersihkan diri daripada pengaruh keracunan daripada Parti Komunis, lalu membebaskan diri daripada kawalan psikologi roh jahat Parti Komunis, dan seterusnya melompat keluar daripada belunggu keganasan dan ketakutan, serta melepaskan segala khayalan kosong terhadap Parti Komunis.

Kekuasaan dan pemerintahan PKC merupakan lembaran paling gelap dan paling tidak masuk akal dalam sejarah China. Penindasan terhadap “Sejati,Baik, Sabar” yang dimotori oleh Jiang Zemin merupakan puncak keblisannya. Gerakan ini merupakan tancapan paku terakhir buat keranda PKC.

Merenung kembali sejarah ini, adalah amat penting agar tragedi semacam ini tidak berulang lagi. Pada masa yang sama juga marilah kita semua bersama menilai diri dan menimbang hati nurani kita, adakah kerana perasaan pengecut dan berkompromi kita ini telah menyeretkan terjadinya banyak tragedi yang tidak sepatutnya berlaku.

Bahagian Editorial The Epoch Times